

CNS1935

R GB 19-09 00180 BB182

bah

Mahathir - Kereta api

KTM BERHAD MAINKAN PERANAN PENTING DALAM PROGRAM PENGINDUSTRIAN MALAYSIA

(EMBARGO: Untuk siaran selepas 10pm hari ini 19 Sept)

KUALA LUMPUR, 19 Sept (Bernama) -- Keretapi Tanah Melayu Bhd (KTM Berhad) akan memainkan peranan semakin penting dalam pengindustrian dan pertumbuhan Malaysia ke arah tahun 2020, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini.

Kerajaan menggalakkan KTM Berhad untuk maju malah membina landasan baru yang akan membantu membuka laluan negara ini, katanya semasa melancarkan perkhidmatan pertama kereta api mewah Eastern and Oriental (E&O) Express di sini.

Perdana Menteri berkata kereta api sememangnya sentiasa menjadi jenis pengangkutan yang cekap dan menguntungkan di dunia.

Walaupun di beberapa buah negara perkhidmatan kereta api dibiarkan merosot, di Malaysia sistem kereta api dipelihara dan sedang muncul semula dengan kukuhnya dan menyumbang kepada pembangunan negara, katanya.

Dr Mahathir berkata E & O Express adalah sejenis kereta api yang istimewa dan cantik serta ia menyokong program permodenan Malaysia dan memperlihatkan mutu cemerlang pengangkutan rel yang terbaik dan romantik.  
-- Lagi

▼19/09/19-48MST

R GB 19-09 00161 BB183

bah

Mahathir - Kereta api 2 Kuala Lumpur (EMBARGO)

Kereta api ini disifatkan sebagai hotel mewah atas roda dan sungguh bersesuaian dengan pelancongan kelas tinggi, katanya.

Rakyat Malaysia, katanya, dianugerahi dengan sebuah negara cantik dengan gunung-ganang, tasik dan pulau-pulau semulajadi yang diduduki masyarakat peramah yang hidup dalam suasana harmoni.

Katanya: "Kita berhasrat memelihara aset semulajadi ini dalam menggalakkan pelancongan.

"Kita percaya aset semulajadi ini harus dinikmati oleh seramai mungkin manusia.

"Oleh itu adalah menjadi hasrat kita memelihara aset semulajadi ini dengan apa cara sekalipun."

Perdana Menteri berkata semasa Tahun Melawat Malaysia (TMM) 1990, Malaysia berjaya menggandakan jumlah pelawat ke negara ini dan berharap E & O Express dapat membantu menggandakan sekali lagi jumlah pelawat ke negara ini semasa TMM '94.

Satu senarai panjang acara dan pesta dirancang bagi TMM '94 dan lawatan ke negara ini semasa TMM '94 sudah tentu amat menarik dan berfaedah, katanya. -- Lagi

▼19/09/20-14MST

bah

Mahathir - Kereta api 3 (Akhir) Kuala Lumpur (EMBARGO)

Dr Mahathir berkata E & O Express melambangkan usaha sama antara ramai orang. Laluannya dari Singapura melalui Malaysia dan memasuki Thailand mencerminkan kenyataan yang jelas dan penuh imaginasi kerjasama Asean menjangkau bukan sahaja sempadan politik tetapi juga kebudayaan, ekonomi dan ideologi serta merapatkan rakyat ketiga-tiga negara Asia Tenggara ini.

Beliau berharap lebih banyak pelancong akan digalakkan melawat Asia Tenggara dan membantu serta kemungkinan meningkatkan penumpang udara ke negara-negara berkenaan.

"Ia adalah jenis projek yang mempunyai nilai tambahan yang diterima sepenuh hati oleh kerajaan. Ia sejajar dengan dasar membenarkan sektor swasta memainkan peranan utama dalam ekonomi, sementara kerajaan menumpukan kepada pentadbiran dan penggubalan dasar," katanya..

E & O Express berharga RM50 juta (AS\$20 juta) itu dipunyai dan diusahakan oleh Malay-Siam Royal Mail (MSRM) berpejabat di Bermuda dan diuruskan oleh Venice-Simplon-Orient Express (VSOE) Ltd.

Perkhidmatan itu, yang mengingatkan kepada "Orient Express" di Eropah dijangka akan menarik 18,000 pelancong ke Malaysia setiap tahun. -- Bernama  
SJA RON

19/09/20-43MST